

KEMAHIRAN komunikasi serta mempunyai keyakinan diri yang tinggi adalah salah satu elemen penting yang dicari majikan sebelum ditawarkan pekerjaan. - Gambar hiasan.

Bukan salah program tak popular

Majikan mencari 'sesuatu' atau kemahiran bukan bersandarkan ijazah semata-mata



FOKUS

Oleh Ruhaiza Rusmin
ruhaizarusmin@mediaprima.com.my

Menganggur beberapa bulan selepas menamatkan pengajian mungkin perkara lumrah yang dilalui ramai pemegang ijazah. Namun, jika sampai berbulan-bulan masih juga tidak bekerja, ia seolah-olah ada sesuatu tidak kena.

Baru-baru ini penulis ada terdengar rungutan sesetengah siswa yang meluahkan rasa kecewa mereka kerana sukar memperoleh pekerjaan walaupun hampir setahun menamatkan pengajian.

Melalui perbualan itu, penulis dapat simpulkan mereka graduan daripada program aliran sastera dan kemanusiaan yang sememangnya mengeluarkan jumlah graduan yang besar setiap kali majlis konvokesyen.

Dengan permintaan dunia kerjaya yang semakin kom-



pleks dan lebih menjurus kepada program lebih laku di pasaran, penulis mahupun masyarakat pastinya tidak dapat mengelak daripada bertanya; 'bagaimanakah nasib graduan program seperti ini?'

Bolehkah mereka bersaing dengan ribuan lagi graduan daripada program sama aliran yang turut mencuba nasib mencari pekerjaan da-

lam industri yang semakin mencabar hari ini?

Adakah program kurang popular turut menjadi punca kepada kadar peningkatan pengangguran dalam kalangan graduan?

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Sains Islam Malaysia, Profesor Datuk Dr Mohamed Asin Dollah berkata, tidak wujud isu program tidak popular yang menjadi penyebab peningkatan kadar pengangguran graduan.

Menurutnya, mengenai program sebagai faktor penyumbang adalah salah dan perlu diperbetulkan dalam kalangan masyarakat.

"Sangat tidak relevan apabila mengaitkan program sebagai penyumbang kepada masalah pengangguran

graduan masa kini.

"Persepsi itu perlu diperbetulkan. Program yang dikatakan kurang popular itu bukan penyebab graduan tidak memperoleh pekerjaan.

"Banyak lagi faktor perlu diambil kira dan bukan menuding jari kepada program sebagai penyebabnya," katanya.

Menurutnya, ada pihak berpendapat program kurang popular yang sering dilabelkan majikan adalah seperti sains sosial yang melahirkan begitu ramai graduan setiap masa.

"Itu silap kerana ia tidak hanya terhad pada sains sosial dan kemanusiaan semata-mata. Ada juga program aliran sains seperti sains pertanian.

RIBUAN graduan yang menamatkan pengajian akan berdepan dengan cabaran untuk mencari pekerjaan tanpa mengira program diikuti sama ada popular atau tidak. - Gambar hiasan.



"Tapi tidak adil kalau kita mengatakan program berkenaan tidak mendapat tempat majikan.

"Setiap penawaran program mesti ada kepentingannya dan tidak boleh dilabelkan popular atau tidak walaupun oleh pihak majikan. Tindakan seperti itu berat sebelah," katanya.

Beliau berkata, setiap program ditawarkan di universiti ada peranan tertentu yang signifikasi dengan proses pembangunan jangka panjang negara.

"Setiap program ditawarkan itu ada peranan

tersendiri dan bukan ditawarkan atas kapasiti sukanya oleh sesebuah institusi.

"Dalam sistem akademik, tiada istilah 'popular' atau 'tidak popular' kerana sumbangan sistem serta nilai pendidikan negara tidak dinilai menerusinya.

"Sama ada program itu sudah lama atau baru, kewujudannya adalah bagi menyokong kepentingan satu sama lain dan bukan dilabelkan berdasarkan populariti," katanya.

Beliau turut menegaskan setiap program pengajian sudah memperoleh akreditasi